

## **KEARIFAN WATAN:**

### **Rahsia Kekuatan Institusi Bendahara & Iktibar Daripadanya**

Jika kita rajin melazimi cerita-cerita Melayu zaman Cathay Keris dan Shaw Brothers di Jalan Ampas, Singapura suatu masa dahulu, kita akan sering melihat bahawa dalam pengkisahan yang berlatar belakang pemerintahan kesultanan Melayu, Sultan sama sekali tidak akan berenggang dengan Datuk Memandanya. Bendahara sering ditonjolkan sebagai seorang tua yang waras, penuh hikmah, bijaksana, setia pada Raja dan sentiasa di sisi baginda dalam susah dan senang, melayan pelbagai ragam dan karenah baginda, sekaligus menjadi pakar rujuk dalam apa jua perkara, baik sekecil-kecil perkara sehinggalah kepada urusan hal ehwal negara .

Saya teringat sebuah kisah dalam kitab *Sulalatus Salatin @ Sejarah Melayu* tentang mimpi Raja Kechil Besar bertemu Rasulullah saw lalu mengucapkan syahadah. Selepas bangun dari tidur, baginda melihat 'anu'nya sudah sedia terkhatan. Maka, apa lagi, terburu-buru baginda mencari Dato Bendahara untuk mengadu dan merujuk. Lalu Sang Raja tekun mendengar 'takwil' dan nasihat Bendahara, diringkaskan cerita, akhirnya Raja Kechil Besar memeluk agama Islam dengan bergelar Sultan Muhammad Shah.

Kepentingan jawatan Bendahara yang diberi mandat sebagai Penghulu bagi institusi pembesar Melayu tradisi dapat dihayati melalui petikan dari wasiat Sultan Melaka-Johor iaitu Sultan Mahmud Shah I (1488-1511M) yang menitahkan:

*“Adapun barang tahu Bendahara dan segala Orang Kaya-Kaya, bahawa dunia ini akan lepaslah dari genggaman kita, melainkan semata-mata akhirat yang kita hadapi. Adapun anakku Sultan Muda ini, dahulu Allah SWT, kemudian Rasul Allah, setelah itu kepada Bendahara dan Orang-Orang Kaya sekalian pertaruh kita, daripada memelihara dan mengajar, menegur dia, kerana dia budak penuh dengan khilaf dan bebalnya. Lagi ia piatu. Telah yakinlah kita akan pelihara Bendahara dan Orang Kaya-Kaya sekalian akan dia.”*

*“Setelah Sultan Mahmud Syah mendengar sembah Bendahara dan segala Orang Besar-besar itu, maka terlalu sukacita baginda, seraya meraih leher paduka anaknda baginda, dipeluk cium baginda, seraya bertitah: “ Hei anakku, cahaya mataku, buah hatiku, engkau kerajaan, sangat sabarmu, dan barang suatu bicaramu jangan meninggalkan Bendahara dan sekalian menteri hulubalangmu; sangat-sangat adil saksama pada barang hukum atas bala tenteramu...”*

Apakah rahsia kekuatan institusi Bendahara warisan kesultanan Melaka, yang mampu bertahan selama beratus-ratus tahun sebagai 'tempat perbendaharaan segala rahsia Raja' sebelum institusi ini dihancurkan oleh kuasa British sekitar pertengahan abad ke 19 Masihi:

Pendapat saya, institusi bendahara berhasil menggabungkan kedua-dua elemen Hukum Syariat dan Hukum Adat Bersendi Kitabullah. menterjemah keduanya dalam wajah peradaban serta budaya Melayu melalui KEARIFAN WATAN.

Dari perspektif Hukum Syariat berteraskan *Usul Fiqh al-Siyasi* (bagaimana memerintah negara berlandaskan ajaran Islam), Bendahara perlu memenuhi kriteria sebagai Menteri Tafwidh seperti Islam, baligh, berakal, merdeka dan dari kaum lelaki. Kemudian, ditambah pula dengan ciri Kearifan Watan seperti pakar bidang dalam memahami selok belok adat resam org-orang Melayu, tahu susur galur dan menyimpan salasilah raja-raja Melayu, memahami adat Raja-raja Melayu, memahami selok-belok tugas raja kerana bendahara diperlukan untuk memangku kerajaan pada masa-masa diperlukan, dsbnya.

Malahan Bendahara adalah sedarah dan sewarisan Raja, maka lebih mudah membentuk kesefahaman dalam tugas masing-masing sehingga saling menguatkan dan melengkapi.

Apakah keperluan kepada ciri Kearifan Watan?

Kita perlu ingat, kekuatan adat dan budaya mempunyai peranan sakti dalam mengupayakan individu-individu dari pelbagai latarbelakang bergabung di bawah sistem norma dan nilai yang seragam. Ianya bukan sahaja dapat menghapuskan bibit-bibit konflik serta mengharmonikan ahli-ahli masyarakat yang pelbagai darjat dan karenah, malahan berfungsi dalam membentuk ciri keperibadian, budaya dan jatidiri sesuatu bangsa itu yang berkongsi pandangan alam, bahasa, tatacara, faham dan adat resam.

Keseragaman nilai dan norma dapat memberikan impak yang besar bukan sahaja dalam membentuk semangat kekitaan serta persaudaraan yang kental, tetapi juga sebagai memberi isyarat yang tegas kepada bangsa lain tentang identiti, pegangan, kepercayaan dan amalan kita. Malahan mampu memberi isyarat tentang keharmonian, kesatuan dan perpaduan bangsa yang utuh, sebagai suatu bentuk kebudayaan islam dalam terjemahan berciri Kearifan Watan.

Inilah rahsia kekuatan institusi bendahara warisan Melaka yang mampu bertahan selama beratus-ratus tahun dalam peranannya sebagai sekutu kuat kepada institusi beraja.

Dalam konteks realiti masakini, demi melestarikan Maqasid Syariat, khususnya dalam konteks menjaga agama, dengan menutup ruang-ruang yang boleh membawa kepada kepincangan, sekaligus menguatkan kesepakatan antara golongan istana dan para pentadbir, maka adalah diharapkan golongan pentadbir, khususnya Perdana Menteri serta menteri-menteri lain yang berada dalam kementerian-kementerian strategik, untuk memiliki Kearifan Watan sehingga berupaya membantu Yang Di Pertuan Agung serta Raja-raja Melayu melaksanakan tanggungjawab baginda sekalian sebagai khalifah Allah di negeri masing-masing dan Persekutuan Tanah Melayu atau Malaysia berteraskan prinsip Kedaulatan Raja-Raja Melayu serta Keluhuran Perlembagaan.

Maka, bersesuaian dengan saranan pakar Perlembagaan Malaysia, iaitu Datuk Dr Wan Ahmad Fauzi Wan Husain, demi memelihara kedaulatan Malaysia bersendikan adat Melayu dan bersumberkan ajaran Islam, wujud keperluan melestarikan jati diri watan tanah air seperti berikut:

1. Islam sebagai undang-undang watan bagi Persekutuan;
2. Kesetiaan pada kedaulatan Raja-Raja Melayu;
3. Bahasa Melayu dan tulisan Jawi;
4. Nilai-nilai murni adat Melayu di Semenanjung Tanah Melayu, serta adat anak-anak Negeri bagi Sabah dan Sarawak;
5. Hak-hak istimewa orang-orang Melayu dan bumiputera sebagai bangsa asal serta kepentingan sah kaum-kaum lain;
6. Hak untuk mengamalkan ajaran agama masing-masing dengan aman.

Ringkasnya, dikecualikan syarat pewarisan, Perdana Menteri Malaysia perlu mengambil iktibar daripada rahsia kekuatan Institusi Bendahara sebagai tempat perbendaharaan segala Rahsia Raja, mahir dalam unsur-unsur wataniah serta berupaya melestarikan Maqasid Syariat berpandukan Hukum Syariat dan Adat Budaya Melayu dengan mengambil bimbingan daripada alim-ulama, cendikiawan dan kearifan lokal

Wallahu 'alam bissawab